

20/02/2003

Semangat Cadell setinggi impian

Wan Jailani Razak

ATLIT kurang upaya, Randy Cadell dari Amerika Syarikat, menyifatkan laluan baru kejohanan triatlon Ironman Langkawi Malaysia (Ironman Langkawi) 2003,

Ahad ini, lebih mencabar dan hebat berbanding final di Kona, Hawaii.

Kini menetap di Hawaii, atlit berkerusi roda itu berkata, dia kembali ke

pulau peranginan ini kerana beranggapan lokasinya adalah antara yang terbaik selepas 26 kali menyertai kejohanan Ironman sejak 1997.

"Saya sukakan laluan di sini kerana alam sekitarnya yang menghidu, permukaan yang berbukit pada sesetengah tempat, penduduknya yang ramah selain penganjuran yang baik.

"Ini adalah penyertaan kali ketiga saya pada Ironman Langkawi dan apa yang pasti, saya seronok berada di sini," katanya ketika ditemui di Hotel

Seaview, sebelum memulakan latihan berbasikal mengelilingi Langkawi, semalam.

Cadell yang menceburi sukan tahan lasak secara profesional sejak empat tahun lalu tiba di Langkawi kelmarin dan sempat menjalani latihan berenang

mengikut laluan baru yang ditetapkan penganjur, pagi semalam.

Kehadirannya sentiasa dinantikan peminat sukan yang menguji ketahanan minda dan fizikal itu kerana kegigihannya ketika berkayuh pantas menggunakan basikal yang diubah suai khusus untuk kejohanan seumpama itu.

Ditanya mengenai laluan baru renang di perairan berhampiran Jeti Kuah, dia berpendapat jaraknya seolah-olah lebih jauh walaupun jaraknya sama iaitu 3.8km berbanding pusingan dalam bentuk segi tiga, tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, dia berazam untuk mencatat masa setengah jam lebih pantas berbanding catatan yang dilakukan pada Ironman Langkawi 2002, dengan 12 jam 35 minit.

"Kalau boleh saya mahu mencatat masa bawah 12 jam," katanya yang turut menyertai Ironman Langkawi tahun lalu bagi kategori kurang upaya tetapi gagal menamatkan perlumbaan berikutan masalah kesihatan ketika disiplin renang.

Cadell mencatatkan rekod terbaik 11 jam 39 minit dalam kejohanan di California pada 1997.

Pada Ironman Langkawi, dia adalah satu-satunya peserta kurang upaya luar negara selain seorang lagi peserta kurang upaya tempatan, Mahathir Ejin Dinting dari Sarawak.

Untuk mendapat pengiktirafan sebagai Ironman, setiap peserta perlu menamatkan tiga acara iaitu berenang sejauh 3.8km, berbasikal 180.2km dan larian 42.2km dalam masa 17 jam.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat menyediakan sebuah helikopter bagi mengawasi atlit yang mengambil bahagian pada kejohanan

kali ini sekali gus memastikan ia berjalan lancar.

Pengarah kejohanan, A Chandrakumanan, yang ditemui ketika meninjau persiapan kejohanan itu, berkata dengan penggunaan helikopter itu, penganjur dapat mengawasi pergerakan peserta dari udara.

Selain itu, katanya, pelbagai agensi serta jabatan kerajaan dan Edaran Otomobil Nasional (EON) turut menyediakan kenderaan bagi membantu menjayakan kejohanan berprestij itu.